

- 9. Pihak Koperasi berhak menolak permohonan saya pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.
- 10. Pihak Koperasi dan Bank juga berhak menarik balik segala kelulusan dan pembiayaan sekiranya maklumat-maklumat saya beri didapati tidak benar atau apa-apa sebab yang pihak Koperasi dan Bank fikirkan patut.

Saya juga dengan ini mengesahkan bahawa :-

- Saya mewakili pihak Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad untuk bertindak sebagai agen bagi menyempurnakan pembelian komoditi secara murabahah daripada KPDRM
- Saya mewakili pihak Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad untuk bertindak sebagai agen bagi menyempurnakan penjualan komoditi yang berkaitan dengan pembiayaan yang saya pohon ini.

Sila Tandakan (✓) Di Ruang Di Atas

Tarikh

--	--	--	--	--	--

Nama :

No. Polis / KP :

D. SOKONGAN / SAKSI (Anggota Lembaga KPDRM / *Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah)

Ulasan dan pengesahan : _____

Yang Benar,

Tarikh

--	--	--	--	--	--

Tandatangan Dan Cop Rasmi

(* hendaklah AJKKD di daerah di mana pemohon bertugas)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Perincian Pembiayaan :

Jumlah Yuran Terkumpul : RM _____

Jumlah Pembiayaan : RM _____

Tempoh : _____ bulan

Ansuran : RM _____ sebulan

Catatan :

(Proses Oleh)

(Semakan Oleh)

(KBK / KPE)

SATU PERJANJIAN PEMBIAYAAN (selepas ini disebut sebagai "Perjanjian ini") di buat padatahun di antara KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (No. Koperasi: 74/1925), sebuah koperasi yang berdaftar di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di NO. 1, JALAN SULAIMAN, 50000 KUALA LUMPUR (selepas ini disebut sebagai "Koperasi") bagi satu pihak DAN pihak yang Nama dan Nombor Kad Pengenalan / Kad Kuasa Polis adalah seperti di Jadual Pertama / Borang Permohonan Pembiayaan yang dilampirkan (selepas ini di rujuk sebagai "Pelanggan") bagi pihak yang lain.

BAHAWASANYA,

Atas permohonan Pelanggan, Koperasi bersetuju memberi Pembiayaan dan Pelanggan bersetuju menerima pembiayaan tersebut dan beraku janji untuk membayar kepada Koperasi secara bayaran tertanggung mengikut jumlah dan tempoh serta lain-lain syarat dan terma di dalam Perjanjian ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI bahawa :-

1. KONSEP

Kemudahan Pembiayaan patuh Syariah ini adalah di bawah konsep Tawarruq di mana Koperasi akan menjual komoditinya seperti di **Jadual Kedua** kepada Pelanggan secara bayaran tertanggung. Koperasi sebagai penjual **pertama** akan bertindak sebagai wakil bagi pihak Pelanggan untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

2. HARGA JUALAN TERTANGGUH & REBAT (IBRA')

Harga Jualan Tertanggung (selepas ini disebut "**Bayaran Ansuran**") adalah seperti di Jadual Pertama Ceraian E1. Koperasi atas budi bicaranya boleh mempertimbangkan pemberian rebat (ibra') ke atas Harga Jualan Tertanggung mengikut budibicara Koperasi kepada pelanggan yang membuat penjelasan awal.

3. HARGA BELIAN TUNAI

Harga Belian Tunai oleh Koperasi ialah seperti di Jadual Pertama Ceraian E1.

4. BAYARAN ANSURAN & GANTIRUGI LEWAT BAYAR (TA'WIDH)

- (a) Pelanggan bersetuju dan berakujnji akan membayar Bayaran Ansuran mengikut cara dan tempoh yang telah ditetapkan seperti di Jadual Pertama Ceraian E1.
- (b) Koperasi berhak mengenakan caj lewat bayar (Ta'widh) sebanyak 1% ke atas bayaran ansuran bulanan yang tidak diterima oleh Koperasi berpandukan kadar dan kaedah-kaedah yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (selepas ini disebut "**SKM**") dan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

5. POTONGAN GAJI

- (a) Selaras dengan Klausula 4 di atas, Pelanggan bersetuju memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk menguruskan Bayaran Ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada Koperasi.
- (b) Kuasa yang diberi untuk memotong gaji tidak boleh ditarik balik dan hanya akan luput apabila jumlah Harga Jualan Tertanggung Bayaran Balik dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini diselesaikan sepenuhnya.
- (c) Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pelanggan hendaklah membuat Bayaran Ansuran Bulanan sendiri terus kepada Koperasi sekiranya potongan gaji Pelanggan tidak dapat dibuat atau jika kegagalan oleh sistem potongan gaji sehingga potongan gaji Pelanggan boleh dikuatkuasa.

6. KEMUNGKIRAN PEMBAYARAN / KEMATIAN / BERHENTI KERJA / MUFLIS

- (a) Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan Bayaran Ansuran sebagaimana Klausula 4 di atas, Koperasi berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dan menuntut baki jumlah Harga Jualan Tertanggung dan dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini dengan memotong daripada Modal Yuran/Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki, ianya akan dituntut mengikut proses sedia ada termasuk melalui proses perundangan.
- (b) Sekiranya Pelanggan meninggal dunia, baki Bayaran Ansuran akan diperoleh dari Modal Yuran / Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki akan ditolak dari Wang Tabung Pembiayaan atau lain-lain mekanisma yang diguna pakai oleh Koperasi.
- (c) Sekiranya Pelanggan berhenti kerja/ditamatkan perkhidmatan/menjadi muflis atau di atas sebab-sebab lain, maka Koperasi berhak untuk mendapatkan baki Bayaran Ansuran berserta yuran guaman, duti setem atau sebarang fi / kos yang berkaitan (jika ada) dengan memotong Modal Yuran/Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki, ianya akan dituntut mengikut proses sedia ada termasuk melalui proses perundangan.
- (d) Hak menuntut oleh Koperasi, sejajar dengan Seksyen 6 Akta Had Masa 1953, akan bermula sehari selepas surat notis penamatan Perjanjian ini dikeluarkan kepada Pelanggan dan tidak akan dikira dari tempoh sebarang tuntutan dibuat ke atas tunggakan bayaran dan / atau sebarang jumlah yang tertunggak di bawah Perjanjian ini.

7. KETERANGAN MUKTAMAD

Satu Penyata Akaun yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh mana-mana Pegawai yang diberi kuasa oleh Koperasi adalah merupakan dan dianggap sebagai satu keterangan yang muktamad dan konklusif terhadap bukti keberhutangan oleh Pelanggan dan ianya tidak boleh dipertikaikan lagi.

8. PINDAAN

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Koperasi diberi kuasa dan budi bicara untuk mengubah, menambah atau mengurangkan apa-apa syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini tertakluk kepada sebarang garis panduan dan ketetapan Syariah atau peruntukan yang dikeluarkan oleh SKM.

9. NOTIS

- (a) Semua penghantaran notis-notis tuntutan dan sebagainya hendaklah dihantar melalui Pos Biasa kepada alamat-alamat yang terkandung di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan dan di dalam hal ini penyerahan notis tersebut adalah dianggap sebagai diterima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposan.
- (b) Jika dalam mana-mana prosiding Mahkamah, maka dengan ini adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa segala surat cara termasuk Writ Saman boleh diserahkan secara Pos Berdaftar kepada alamat-alamat yang ternyata di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan.

10. PENUKARAN ALAMAT

Alamat-alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini adalah tetap dan Pelanggan hendaklah memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari secara bertulis kepada Koperasi daripada tarikh pertukaran alamat sekiranya berlaku pertukaran berkaitan pekerjaan, alamat tempat kerja dan alamat surat menyurat. Sekiranya Pelanggan gagal untuk memberi notis penukaran alamat, Koperasi hendaklah dilepaskan daripada semua liabiliti dengan menghantar apa-apa notis ke alamat terakhir dan/atau nombor yang terdapat dalam rekod Koperasi.

.....(t/tangan pelanggan)

11. PENGIKATAN

Perjanjian ini adalah mengikat sebagai satu perjanjian berterusan terhadap Pelanggan, Waris-waris Sah, dan/atau Pentadbir mereka di mana liabiliti di bawah Perjanjian ini adalah berterusan terhadap mana-mana jumlah yang ternyata di dalam Penyata Akaun yang tersebut sebelum ini.

12. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

Pelanggan bersetuju untuk Koperasi mengumpul data peribadi Pelanggan dan digunakan/diproses antara lain bagi tujuan penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran/pengiklanan produk atau perkhidmatan oleh Koperasi, subsidiari Koperasi, syarikat sekutu Koperasi, rakan kerjasama Koperasi atau mana-mana pihak ketiga yang Koperasi fikirkan sesuai dari semasa ke semasa; prosedur perkhidmatan/perhubungan pelanggan; penilaian kredit dan semakan latar belakang Pelanggan dengan pihak-pihak sepertimana yang dianggap sesuai; memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan perkhidmatan atau produk; penyelidikan, penanda aras dan analisis perangkaan; dan membolehkan Koperasi menghantar maklumat kepada Pelanggan melalui notis, panggilan telefon, SMS, E-mel, media sosial atau apa-apa cara yang munasabah dari semasa ke semasa dan Koperasi akan terus mengawal data peribadi Pelanggan dengan sewajarnya selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sepanjang tempoh bayaran, Pelanggan boleh menarik balik persetujuan ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Koperasi.

13. SYARAT-SYARAT AM

- Pada setiap masa, Perjanjian ini adalah satu perjanjian di antara Koperasi dan Pelanggan tertakluk kepada syarat-syarat yang ternyata di sini dan dipersetujui dan diakui bahawa Jadual-Jadual kepada Perjanjian ini dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- Pelanggan bersetuju membenarkan Koperasi mengakses / mengemuka / menzahirkan segala data pelanggan dari / kepada mana-mana sistem rujukan maklumat kredit untuk tujuan pembiayaan ini.
- Pelanggan bersetuju bahawa Koperasi dibenar menyerahkan hak atau memasuki surat ikatan penyerahan hak dengan mana-mana Institusi Kewangan tanpa memperoleh kebenaran daripada Pelanggan dan penyerahan hak ini tidak akan menjejaskan kesahihan Perjanjian ini. Dalam hal ini, sekiranya Koperasi tidak lagi mempunyai kedudukan / nilai Usaha Berterusan (Going Concern), Pelanggan beraku janji untuk memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk membuat pembayaran ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada institusi kewangan yang mana berkaitan sehinggalah baki Harga Jualan Tertanggung dijelaskan sepenuhnya.
- Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan masih mempunyai hutang yang tertunggak atas apa apa sebab sekalipun, Koperasi berhak menyenaraikan butiran keberhutangan berkenaan ke dalam mana-mana sistem rujukan hutang elektronik awam. Kos menyenarai dan / atau menyah-senarai di dalam sistem ini adalah tanggungan Pelanggan.
- Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa segala keterangan yang dinyatakan di Borang Permohonan Pembiayaan dan Jadual-Jadualnya adalah benar dan Koperasi berhak untuk membatalkan Pembiayaan ini sekiranya didapati keterangan atau dokumen sokongan yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak benar/palsu.
- Segala terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini merupakan bukti konklusif terhadap hubungan kontrak di antara Pelanggan dan Koperasi dan oleh yang demikian, mana-mana perjanjian atau representasi yang dibuat secara lisan adalah dianggap tidak sah melainkan jika dipinda mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini dan kesemua terma dan syaratnya Perjanjian ini hendaklah ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-Undang Malaysia.
- Sebarang kegagalan atau kelewatan melaksanakan mana-mana syarat-syarat dan hak-hak di bawah Perjanjian ini tidak akan merupakan satu pengabaian syarat-syarat dan hak-hak tersebut oleh pihak Koperasi.
- Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini sudah dibaca dan difahamkan segala isi kandungannya.

DITANDATANGANI DI SINI OLEH KEDUA-DUA BELAH PIHAK :-

Tandatangan Pelanggan

Nama :
No. Polis / KP :

Saksi Pelanggan (Terdiri dari AJKKD/Anggota Lembaga/
Pegawai Polis/Inspektor Atau Lebih Tinggi) :

Tandatangan Saksi Pelanggan

Nama :
No. Polis / KP :
Tarikh :

Tandatangan b/p Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad

Nama :
No. KP :
Cop Rasmi/Jawatan

Saksi Koperasi (Pegawai Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad) :

Tandatangan Saksi

Nama :
No. KP :
Tarikh :

PEMBIAYAAN EKSPRES**JADUAL PERTAMA**

Jumlah Pembiayaan Dan Ansuran

(Jadual Pertama Ini Adalah Sebahagian Dari Perjanjian Pembiayaan Dan Perlu Ditandatangani)

كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad



CERAIAN E1



Pembiayaan / Harga Belian	Harga Jualan Tertanggung	Ansuran Bulanan	Yuran Proses	Wang Tabung Pembiayaan	Jumlah Ditolak Dari Yuran Simpanan
Kadar	4.95%			1.00%	
RM1,000.00	RM1,049.50	RM87.46	RM50.00	RM10.00	RM60.00
RM1,100.00	RM1,154.45	RM96.20	RM50.00	RM11.00	RM61.00
RM1,200.00	RM1,259.40	RM104.95	RM50.00	RM12.00	RM62.00
RM1,300.00	RM1,364.35	RM113.70	RM50.00	RM13.00	RM63.00
RM1,400.00	RM1,469.30	RM122.44	RM50.00	RM14.00	RM64.00
RM1,500.00	RM1,574.25	RM131.19	RM50.00	RM15.00	RM65.00
RM1,600.00	RM1,679.20	RM139.93	RM50.00	RM16.00	RM66.00
RM1,700.00	RM1,784.15	RM148.68	RM50.00	RM17.00	RM67.00
RM1,800.00	RM1,889.10	RM157.43	RM50.00	RM18.00	RM68.00
RM1,900.00	RM1,994.05	RM166.17	RM50.00	RM19.00	RM69.00
RM2,000.00	RM2,099.00	RM174.92	RM50.00	RM20.00	RM70.00

Akujanji Anggota

Saya bersetuju menerima pembiayaan berjumlah seperti di Borang Permohonan Pembiayaan dan berakujanji untuk membayar Jumlah Bayaran Ansuran (bersamaan Harga Jualan Tertanggung) secara bayaran tertanggung mengikut jumlah bayaran Ansuran Bulanan seperti di Jadual ini.

Nama :

No. Polis :

No. KP :

Tandatangan :

Tarikh :



LEMBARAN SEMAKAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN (CHECKLIST)

Bagi melicinkan tugas memproses permohonan pembiayaan, pemohon adalah diminta memastikan borang adalah lengkap diisi dan semua dokumen sokongan disertakan dengan berpandukan kepada senarai berikut:-

Sila tandakan (✓) pada ruangan yang berkaitan

1. Bahagian A : Butiran Permohonan
Telah diisi tujuan memohon pembiayaan.
2. Bahagian B : Maklumat Pemohon
Maklumat adalah telah dilengkapkan sepenuhnya.
3. Bahagian C : Pengesahan Pemohon
Sila baca pengakuan sebagaimana di Bahagian D dan turunkan tandatangan bagi mengesahkan pengakuan yang dibuat.
4. Bahagian D : Tandatangan Sokongan / Saksi
Sila dapatkan tandatangan sokongan dari AJKKD di mana anggota/pemohon bertugas.
5. Perjanjian Pembiayaan
Sila baca perjanjian pembiayaan dan seterusnya menurunkan tandatangan di kedua-dua mukasurat dokumen perjanjian tersebut serta dapatkan tandatangan saksi.
6. Sertakan Dokumen Sokongan Yang Berikut:-
 - (i) Penyata / Slip Gaji Terkini
 - (ii) Salinan Kad Kuasa Polis Dan Kad Pengenalan Awam
 - (iii) Salinan Muka Hadapan Buku Akaun Bank/Slip ATM/Lain-lain Bukti No. Akaun Bank
 - (iv) Ceraian E1 di Jadual Pertama Yang Telah Ditandatangani